

# Memahami pelbagai Gelar untuk Guru dan Pendidik

Oleh **HAZRI HUSSEIN**

**B**ulan Mei pada setiap tahun tidak lengkap jika tidak dikaitkan dengan sambutan Hari Guru. Berbanding dengan sambutan yang dipilih pada hari tertentu yang dikhususkan untuk pekerja, seperti Hari Jururawat, Hari Bomba, dan Hari Polis, Hari Guru tetaplah merupakan hari istimewa yang mempunyai makna tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang menyenangi dan menghargai guru tentulah datangnya daripada kalangan pelajar sekolah atau mahasiswa dan mahasiswi universiti dan kolej.

Oleh itu, tarikh 16 Mei merupakan hari terpenting yang ditunggu-tunggu bukan sahaja bagi pelajar, tetapi juga oleh ibu bapa dan masyarakat. Guru dianggap sebagai insan mulia yang banyak menaburkan jasa dan bakti bagi membina peradaban dan ketamadunan sesuatu bangsa di dalam sesuatu negara. Tanpa guru, tentulah masyarakat akan berada dalam kejahilan ilmu dan kemunduran akal fikir sehingga hilang keupayaan untuk membezakan kebenaran daripada kepalsuan.


Perkataan guru dipetik daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud seseorang yang menjadi pengajar ilmu. *Gu* bermaksud gelap atau suram manakala *ru* pula memberikan makna mengusir atau menghalau. Dari sudut etimologi, asal usul kata guru menjelaskan orang yang mengusir kegelapan dan kesuraman dengan ilmu dan pengetahuan. Kegelapan atau kesuraman di sini dihubungkan dengan kebodohan akal serta kejahilan fikir.

Guru dapat diistilahkan juga dengan pelbagai gelaran lain, seperti pendidik, pensyarah atau profesor.

Seseorang guru bukan sekadar mengajar dan mendidik secara zahir, tetapi turut berpotensi untuk membina hubungan secara kebatinan atau kejiwaan terhadap muridnya. Maka jelaslah bahawa insan yang bergelar guru bukan hanya mencakup urusan yang bersifat jasmaniah, tetapi yang lebih penting, adanya nilai murni, seperti luhur, mahabbah, amanah dan ikhlas, yang mampu untuk membina peradaban bangsa dan warga.

Dalam kepercayaan agama Hindu, guru menjadi lambang tempat suci yang bernama *vidya* yang dikaitkan dengan nilai ilmu dan wadah pengetahuan. Dalam agama Buddha pula, guru ialah manusia yang membimbing muridnya ke arah jalan yang benar dan betul. Dari kaca mata murid, dia memandang gurunya seumpama jelmaan Buddha atau Bodhissativa yang dianggap suci. Bagi ajaran agama Sikh pula, terdapat inti pati yang mengaitkan agama itu dengan ajaran 10 orang guru Sikh. Guru pertama yang menjadi pengasas agama ini disebut sebagai guru *Nanak Dev*. Guru *Nanak Dev* dianggap sebagai guru pertama yang menyebarkan kebenaran dan kebaikan, seperti yang termaktub dalam Tiga Tonggak Sikhisme yang menjadi rukun utama ajaran agama itu.

Bagi orang Melayu, perkataan guru sudah wujud semenjak era kerajaan Melayu Melaka apabila istilah tuk guru digunakan untuk merujuk alim ulama, ustaz atau pengajar agama Islam. Merekalah yang menjengah kampung tradisi serta kawasan pedalaman untuk mengajarkan bidang fikah, al-Quran, sirah, tauhid dan hadis. Dalam bahasa Arab, guru atau



Mereka yang mengajar orang lain dapat dianggap sebagai guru.

tenaga pengajar disebut dengan istilah muallim atau ustaz, yang khusus untuk memberikan ilmu keagamaan atau keduniaan dalam majlis ilmu kepada ahli kariah.

Perkataan lain yang juga merujuk guru daripada istilah Arab yang popular termasuklah *muaddib* dan *murabbi*. *Muaddib* berasal daripada perkataan *addaba*, iaitu mengajarkan adab. Secara harfiahnya, perkataan ini memberikan maksud guru yang mengajarkan adab dan tingkah laku bermoral, serta diamalkan untuk dicontohi oleh muridnya. Seseorang *muaddib* akan sentiasa menjadi teladan dengan sifat mulia untuk dicontohi oleh masyarakat.

*Murabbi* pula bermaksud tumbuh atau bertambah. Perkataan ini merangkum makna yang lebih luas, iaitu seseorang yang bukan sahaja mengajarkan ilmu supaya bertambah pengetahuan, tetapi turut mendidik mental dan fizikal serta rohani dan jasmani untuk melaksanakan dan menghayati segala ilmu yang dipelajari. Oleh itu, peranan guru yang

bergelar *murabbi* ialah pembinan keluhuran peribadi dan keeloaan budi pekerti dalam amalan harian. Maka dapatlah kita simpulkan bahawa tugas dan tanggungjawab *murabbi* lebih berat berbanding dengan peranan muallim kerana pendidik yang bergelar *murabbi* perlu memastikan agar ilmu yang diajarkannya melekat dan melebat di pangkal hati sedangkan muallim pula sekadar bersalut di lubuk akal dan pemikiran sahaja.

Ada beberapa gelar lain dalam ranah pendidikan Islam tentang istilah guru yang tidak kurang popularnya, seperti *mursyid*, *muzakki* dan *muddaris*. *Mursyid* dipetik daripada kata akar dalam bahasa Arab, iaitu *rasyd*, yang bermaksud akal, pemikiran, petunjuk dan kebenaran. Hal ini menjelaskan *mursyid* sebagai guru yang berperanan untuk membijakkan akal dan pemikiran sebagai petunjuk jalan menuju kebenaran. *Mursyid* berperanan sebagai pemimpin, petunjuk jalan, pengarah, dan pemberi nasihat kepada anak pelajar.

*Muzakki* pula dipetik daripada kalimah isim dalam bahasa Arab, iaitu *zakka*, yang bermaksud menyucikan, membersihkan, menguatkan dan memperbaiki. Apabila dihubungkan dengan bidang pendidikan, *muzakki* sudah tentulah mewakili generasi guru yang diamanahkan untuk membimbing dan menunjukkan kebenaran dalam usaha untuk menggilap fitrah anak pelajar supaya sentiasa bersih dan suci dari segi akhlak dan moral serta terhindar daripada perbuatan dosa dan tercela.

*Muddaris* diambil daripada kata *darrassa*, iaitu tenaga pengajar. Terdapat satu kalimah yang mirip dengan perkataan *muddaris*, iaitu *al-midras*. *Al-midras* ialah kata nama khas yang merujuk kediaman yang mempunyai aktiviti pengajian al-Quran. Dalam istilah bahasa Ibrani yang dituturkan oleh orang Yahudi, *al-midras* juga disebut sebagai rumah atau tempat untuk mempelajari kitab ajaran agama Yahudi, iaitu Tsalmud. Sehubungan dengan itu, dapatlah kita simpulkan bahawa *muddaris*

ialah panggilan untuk pendidik atau guru yang berusaha untuk mengembangkan potensi dan akal fikiran melalui metodologi pendidikan kepada generasi murid sehingga mereka dapat memahami setiap ilmu dan pengetahuan.

Pada hari ini, perkataan guru sudah sebatang di pangkal lidah anak generasi, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah, madrasah, pesantren, pondok pengajian, serta kolej dan universiti. Istilah guru dan keguruan menjadi semakin penting dalam usaha untuk membangunkan kemajuan diri dan peradaban manusia di tengah-tengah kebobrokan dunia yang dicatitkan dengan segala imej negatif dan kerosakan akal generasi baharu.

Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, guru diistilahkan sebagai orang yang pekerjaan dan mata pencariannya serta profesinya mengajar. Istilah guru sangat popular dan digunakan sebagai gelaran utama dalam dunia pendidikan, baik di Malaysia mahupun di Indonesia, khususnya di alam persekolahan yang formal. Di negara kita, guru atau cikgu ialah dua nama yang cukup sinonim dalam kalangan masyarakat semenjak dahulu.

Apabila wujudnya sistem j-QAF yang diperkenalkan pada tahun 2004, maka guru Pendidikan Islam j-QAF (singkatan daripada Jawi, al-Quran, Arab dan fardu ain) mendapat jolokan baharu daripada kalangan anak murid. Mereka disebut sebagai muallim dan *muallimah* serta *muaddib* atau *muaddibbah*. Hal ini berlaku apabila pelajar peringkat rendah sudah mula untuk memahirkan diri dengan istilah dalam Arab yang merupakan mata pelajaran elektif ini.

Cikgu pula merupakan dua perkataan yang digabungkan

## **Ada pendapat yang mengatakan bahawa istilah guru lebih berat daripada cikgu kerana guru bukan sahaja mengajarkan ilmu pengetahuan di dalam kelas, tetapi juga mempamerkan teladan yang baik dalam aspek amalan dan pekerti kepada muridnya. Cikgu pula berperanan hanya di sekitar sekolah.**

menjadi satu, iaitu cik dan gu. Cik merupakan kata singkatan bagi perkataan encik yang merupakan panggilan khas untuk orang yang cukup dihormati dan disegani kerana penampilan akhlak yang baik. Gu pula kalimah singkatan daripada perkataan guru, iaitu orang yang mendidik dengan ilmu. Oleh itu, cikgu memberikan pengertian yang luas sebagai manusia yang mengajar orang lain dengan ilmu serta memberikan contoh yang baik kepada pelajar.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa istilah guru lebih berat daripada cikgu kerana guru bukan sahaja mengajarkan ilmu pengetahuan di dalam kelas, tetapi juga mempamerkan teladan yang baik dalam aspek amalan dan pekerti kepada muridnya. Cikgu pula berperanan hanya di sekitar sekolah. Apabila sesi persekolahan berakhir, seseorang pengajar tidak perlu lagi untuk mempamerkan tingkah laku atau adab yang baik, seperti ketika berada di hadapan murid.

Jika tanggapan ini betul, maka banyaklah pendidik yang memilih jalan untuk menjadi cikgu dan bukannya guru kerana dengan menjadi cikgu, seseorang itu bebas untuk mengamalkan cara dan gaya hidup di luar waktu pembelajaran. Dari sisi yang lain, gelaran guru,

cikgu, muallim, atau apa-apa sahaja nama yang baik akan terus melekat di hujung lidah pelajar di mana-mana sahaja atau pada bila-bila masa, baik cikgu itu masih bertugas ataupun sudah bersara daripada perkhidmatan pendidikan.

Perkara yang sering kita lupa ialah bahawa ibu bapa atau penjaga juga merupakan guru. Mereka guru pertama yang banyak membimbing dan mengasuh anak ke arah kebaikan dan mencintai ilmu. Sehubungan dengan itu, tatkala kita meraikan sambutan Hari Guru pada 16 Mei setiap tahun, janganlah kita abaikan ibu bapa yang menjadi pendidik dan muallim kita yang tidak jemu-jemu untuk memberikan pesanan dan tunjuk ajar harian.

Oleh itu, sesiapa pun kita dan setinggi mananya pun kerjaya kita, guru, cikgu, muallim, muaddib, atau apa-apa sahaja gelaran sang pendidik terlalu banyak jasa dan pengorbanan mereka. Hormati dan kasihlah warga pendidik pada setiap masa kerana keberkatan ilmu itu akan mengalir sepanjang usia. Merekalah guru, pendidik, pensyarah, *muzakki*, dan murabbi yang ikhlas dan reda membimbing kita untuk menjadi insan yang berguna dan warga yang hebat, baik di dunia mahupun di akhirat. **DB**